



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI

**SOALAN LAZIM (FAQ)  
PENARAFAN IPT MALAYSIA 2022**

**A. SOALAN UMUM**

SOALAN UMUM		
BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah yang dimaksudkan dengan Penarafan IPT Malaysia 2022?	<p>(a) Penarafan IPT Malaysia 2022 dilaksanakan bagi menjamin kualiti serta meningkatkan kecemerlangan prestasi IPT selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) (PPPM[PT]). Ia dibahagikan kepada dua instrumen iaitu SETARA dan MyQUEST.</p> <p>(b) Penarafan IPT juga bertujuan untuk mengukur jaminan kualiti dan standard IPT di Malaysia melalui pelbagai indikator yang telah ditetapkan.</p>
2.	Apakah yang dimaksudkan dengan Penarafan SETARA?	<p>(a) <b>SETARA</b> adalah salah satu sistem penarafan yang dibangunkan oleh KPT pada tahun 2007 untuk mengukur jaminan kualiti dan standard universiti dan kolej universiti di Malaysia berdasarkan autonomi, kualiti dan prestasi institusi.</p> <p>(b) Sistem penarafan ini telah dirangka untuk membantu universiti dan kolej universiti membina asas-asas yang kuat dalam tiga (3) fungsi teras utama iaitu Pengajaran, Penyelidikan dan Perkhidmatan melalui matriks dan metodologi penilaian yang telah ditetapkan.</p>

**SOALAN UMUM**

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		<p>(c) Setiap data institusi yang digunakan di dalam penilaian penarafan ini akan melalui proses verifikasi dan validasi melalui audit lapangan (<i>Site Audit</i>) oleh juruaudit bebas yang dilantik oleh pihak KPT.</p> <p>(d) Penilaian dan penarafan SETARA telah dilaksanakan sebanyak enam (6) kali iaitu pada 2007, 2009, 2011, 2013, 2017 dan 2019/2020.</p> <p>(e) SETARA 2022 dilaksanakan untuk menilai prestasi IPT bagi tahun 2019, 2020 dan 2021.</p>
3.	Apakah yang dimaksudkan dengan Penarafan MyQUEST?	<p>(a) <b>MyQUEST</b> merupakan suatu sistem yang dibangunkan oleh KPT pada tahun 2009 untuk menilai tahap kualiti Kolej Swasta di Malaysia.</p> <p>(b) Penilaian dan penarafan MyQUEST ini telah dilaksanakan sebanyak lima (5) kali iaitu sesi 2010/2011, 2012/2013, 2014/2015, 2016/2017 dan 2018/2019.</p> <p>(c) MyQUEST 2022 dilaksanakan untuk menilai prestasi Kolej Swasta bagi tahun 2019, 2020 dan 2021.</p>
4.	Adakah terdapat perbezaan di antara penarafan tahun 2022 dan tahun sebelumnya?	<p>(a) Ya. Penarafan sebelum tahun 2022 menggunakan penarafan bintang daripada skala satu bintang hingga enam bintang bagi mengukur tahap dan prestasi pencapaian. Lebih tinggi penarafan bintang, lebih baik prestasi dan tahap pencapaian sesebuah IPT.</p> <p>(b) Manakala, bagi penarafan tahun 2022 KPT telah membuat pembaharuan dengan hanya membahagikan kepada dua (2) kategori sahaja berbanding enam (6) kategori sebelum ini iaitu <b>Berdaya Saing (<i>Competitive</i>)</b> dan <b>Berdaya Maju (<i>Viable</i>)</b>.</p> <p>(c) Penetapan kategori baharu bagi Penarafan SETARA dan MyQUEST 2022 ini adalah mengambil kira kesan pandemik COVID-19 ke atas pengurusan IPT. Ia dilihat sebagai salah satu pendekatan yang adil dan realistik kepada</p>

SOALAN UMUM		
BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		<p>IPT memandangkan data yang dinilai meliputi tahun 2019, 2020 dan 2021 yang merupakan tahun-tahun negara dilanda pandemik Covid-19.</p> <p>(d) Oleh yang demikian, keputusan penilaian Penarafan IPT 2022 hanya mengguna pakai <b>data tahun 2021 sahaja</b>.</p>
5.	Apakah yang dimaksudkan dengan Berdaya Saing ( <i>Competitive</i> )?	<p>(a) IPT yang berada di bawah kategori Berdaya Saing adalah IPT yang berkemampuan untuk bersaing di peringkat lebih tinggi.</p> <p>(b) IPT yang Berdaya Saing merupakan institusi-institusi yang dinilai dan diklasifikasikan dalam kumpulan IPT yang <b>cemerlang</b> dan <b>memenuhi</b> kriteria-kriteria penilaian di bawah Penarafan IPT Malaysia.</p>
6.	Apakah dimaksudkan dengan Berdaya Maju ( <i>Viable</i> )?	<p>(a) IPT yang berada di bawah kategori Berdaya Maju adalah IPT yang berkemampuan untuk berkembang maju dan melangkah ke tahap yang lebih baik.</p> <p>(b) IPT yang Berdaya Maju merupakan institusi-institusi yang dinilai dan diklasifikasikan dalam kumpulan IPT yang <b>baik</b> dan <b>mencapai kriteria minimum</b> yang ditetapkan.</p>

**SOALAN UMUM**

<b>BIL.</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
7.	Adakah semua IPT menyertai Penarafan IPT Malaysia Tahun 2022?	<p>(a) Penyertaan semua IPT dalam Penarafan IPT Malaysia sama ada Universiti Awam (UA) dan IPTS adalah diwajibkan.</p> <p>(b) Walau bagaimanapun, bagi menyertai penarafan ini, setiap IPT perlu memenuhi syarat-syarat seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>i. Syarat penyertaan bagi Penarafan SETARA adalah mempunyai satu kohort bergraduasi; dan</li><li>ii. Bagi Penarafan MyQUEST pula, syarat penyertaan adalah mempunyai satu kohort bergraduasi dan menawarkan kursus-kursus yang tersenarai dalam Daftar Kelayakan Malaysia (MQR).</li></ul> <p>(c) Oleh yang demikian, terdapat sejumlah IPT yang tidak menyertai Penarafan IPT Malaysia 2022 (SETARA dan MyQUEST) kerana tidak memenuhi syarat-syarat tertentu.</p>
8.	Apakah manfaat yang bakal diperolehi bagi IPTS yang berada di bawah kategori Berdaya Saing?	<p>Bagi IPTS yang memperoleh taraf Berdaya Saing, antara manfaat yang diperolehi adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>(a) dikecualikan lawatan verifikasi bagi permohonan pembaharuan perakuan pendaftaran dan permohonan kelulusan pengambilan pelajar antarabangsa;</li><li>(b) dikecualikan lawatan verifikasi di IPTS bagi permohonan menukar/ menambah/ mengubahsuai premis;</li><li>(c) dibenarkan permohonan kenaikan kadar yuran kursus pengajian sepertimana yang dimohon oleh IPTS;</li><li>(d) dibenarkan permohonan naik taraf IPTS;</li><li>(e) dibenarkan permohonan penubuhan cawangan IPTS; dan</li></ul>

SOALAN UMUM		
BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		(f) dibenarkan kerjasama IPT sebagai <i>Franchisor</i> dan <i>Franchisee</i> .
9.	Apakah kriteria penilaian yang diguna pakai bagi penarafan ini?	<p>Terdapat empat (4) kriteria penilaian utama bagi Penarafan SETARA seperti berikut:</p> <p>(a) <i>General</i>;</p> <p>(b) <i>Teaching and Learning</i>;</p> <p>(c) <i>Research</i>; dan</p> <p>(d) <i>Service</i></p> <p>Bagi Penarafan MyQUEST pula, terdapat lima kriteria penilaian utama iaitu:</p> <p>(a) <i>Students Quality and Diversity</i>;</p> <p>(b) <i>Resources and Financial Sustainability</i>;</p> <p>(c) <i>Quality Management System (QMS)</i>;</p> <p>(d) <i>Programmes Recognition</i>; dan</p> <p>(e) <i>Graduates Recognition and Institutional Reputation</i>.</p>

## B. SOALAN BERKAITAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI

INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI		
BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Bagaimana pihak IPT boleh melihat senarai keseluruhan Penarafan IPT Malaysia 2022?	IPT boleh melihat keputusan keseluruhan melalui portal Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) ( <a href="https://jpt.mohe.gov.my/portal/index.php/ms/setara-myquest">https://jpt.mohe.gov.my/portal/index.php/ms/setara-myquest</a> ) dan Sistem MyHER.
2.	Di manakah pihak IPT dapat melihat perincian kepada keputusan Penarafan IPT Malaysia 2022?	IPT yang telah menyertai Penarafan IPT Malaysia 2022 sahaja boleh menyemak perincian keputusan penarafan melalui Sistem MyHER bagi institusi masing-masing.
3.	Apakah jenis perincian kepada keputusan yang dapat dilihat oleh IPT melalui sistem MyHER?	<p>Perincian kepada keputusan yang dapat dirujuk oleh IPT adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>(a) Laporan Akhir (<i>Final Report</i>);</li><li>(b) Prestasi IPT mengikut kriteria penilaian utama; dan</li><li>(c) <i>Spider Chart</i>.</li></ul> <p>Bagi mengambil kira kesan pandemik COVID-19 ke atas pengurusan IPT, tempoh penilaian di bawah Penarafan IPT Malaysia 2022 hanya mengguna pakai <b>data tahun 2021 sahaja</b>.</p>
4.	Adakah IPT boleh mengemukakan rayuan ke atas pencapaiannya di bawah Penarafan IPT Malaysia 2022?	Keputusan Penarafan IPT Malaysia 2022 adalah <b>muktamad</b> . Tiada rayuan dibenarkan dibuat oleh IPT.
5.	Adakah terdapat tempoh sahlaku bagi penggunaan Keputusan Penarafan IPT Malaysia 2022 ini?	Keputusan Penarafan IPT Malaysia 2022 adalah terpakai sehingga pelaksanaan penarafan seterusnya.

## INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
6.	Bagaimana IPT yang telah menyertai Penarafan IPT Malaysia 2022 memaklum dan mempromosikan pencapaiannya kepada orang awam?	<p>IPT boleh mempromosikan pencapaiannya dalam penarafan ini menggunakan kemudahan berikut:</p> <p>(a) Keputusan rasmi dan senarai IPT yang menyertai penarafan IPT Malaysia di portal JPT (<a href="https://ipt.mohe.gov.my/portal/index.php/ms/setara-myquest">https://ipt.mohe.gov.my/portal/index.php/ms/setara-myquest</a>); dan</p> <p>(b) Sijil Penarafan rasmi daripada Kementerian Pendidikan Tinggi dalam bentuk cetakan dan yang telah dimbas (<i>hardcopy</i> dan <i>softcopy</i>).</p>
7.	Adakah kriteria-kriteria Penarafan IPT Malaysia akan disemak atau ditambahbaik?	Ya, Jabatan Pendidikan Tinggi sentiasa menyemak, mengkaji dan menambahbaik kriteria-kriteria penilaian di bawah Penarafan IPT Malaysia berdasarkan keperluan semasa.
8.	Bagaimana IPT boleh memperbaiki keputusan Penarafan IPT Malaysia bagi institusi masing-masing di masa akan datang?	<p>(a) IPT boleh menambah baik keputusan khususnya bagi penarafan yang akan datang melalui usaha yang berterusan dalam memperkasa kualiti dan prestasi perkhidmatan pendidikan tinggi yang disediakan.</p> <p>(b) Jabatan Pendidikan Tinggi juga akan menganjurkan klinik penarafan bagi membantu IPT bersedia menyertai penarafan seterusnya dan secara tidak langsung membantu meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan serta perkhidmatan.</p>

### **C. SOALAN BERKAITAN IBU BAPA DAN PELAJAR**

<b>IBU BAPA DAN PELAJAR</b>		
<b>BIL.</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
1.	Di manakah ibu bapa atau pelajar boleh menyemak keputusan penuh Penarafan IPT Malaysia 2022?	Keputusan penuh Penarafan IPT Malaysia 2022 boleh disemak di portal JPT ( <a href="https://ipt.mohe.gov.my/portal/index.php/ms/setara-myquest">https://ipt.mohe.gov.my/portal/index.php/ms/setara-myquest</a> ).
2.	Selain penarafan SETARA dan MyQUEST, adakah terdapat kriteria pemilihan lain yang perlu diambil kira oleh ibu bapa dan pelajar?	Ya. Penarafan ini adalah sebagai rujukan kepada pelajar berkaitan prestasi IPT. Bagaimanapun, matlamat akademik, pertimbangan kewangan, lokasi dan reputasi IPT juga perlu diambil kira.